

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIRABU: 10 NOVEMBER 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TID AK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA 43)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO.: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bila peruntukan dapat diperolehi bagi pelaksanaan tebatan banjir Sungai Lohan bagi keselamatan penduduk yang terdapat di sepanjang sungai tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan memang mempunyai perancangan dan cadangan untuk melaksanakan projek Mencegah Banjir Sg. Lohan di bawah Program Rancangan Mencegah Banjir Negeri Sabah untuk menangani masalah banjir di kawasan tersebut.

Cadangan projek ini melibatkan empat (4) buah kampung iaitu, Kg. Lohan Ulu, Kg. Lohan, Kg. Kelingan dan Kg. Minahas. Komponen-komponen utama projek ini melibatkan kerja-kerja:-

- i. pencegahan hakisan tebing sepanjang 2.0 km;
- ii. pengorekan sungai sepanjang 5.0 km; dan
- iii. kerja-kerja lain yang berkaitan dengannya.

Anggaran kos keseluruhan projek ialah RM 13.8 juta. Walau bagaimana pun jadual pelaksanaannya bergantung kepada kelulusan peruntukan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

TARIKH

10.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam jawapan pertanyaan RT11 dalam sidang Parlimen lalu; Menteri menjelaskan masih banyak kekosongan untuk Jawatan Anggota Kumpulan Sokongan di sekolah-sekolah. Di negeri Kedah sahaja terdapat 426 kekosongan jawatan dalam berbagai kategori belum diisi. Adakah kekosongan ini telah diisi atau bilakah semua kekosongan ini akan diisi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk mengisi kekosongan jawatan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang terdapat di semua Jabatan Pelajaran Negeri dari semasa ke semasa. Urusan pengisian akan dilaksanakan serta merta apabila mendapat bekalan calon daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2010, daripada 426 kekosongan jawatan di sekolah-sekolah di negeri Kedah, 48 jawatan telah diisi dan baki 378 jawatan akan diisi apabila terdapat bekalan calon daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

Daripada jumlah tersebut sebahagian besar adalah jawatan Pembantu Am Pejabat (PAP) Gred N1 yang berjumlah sebanyak 224 kekosongan. Walau bagaimanapun, kekosongan ini tidak dapat dibuat pengisian berikutan isu pelaksanaan dasar penambahbaikan norma perjawatan pembantu makmal. Dasar ini menukar ganti (*trade off*) jawatan PAP di makmal dengan jawatan pembantu makmal Gred C17. KPM telah memohon 3,600 jawatan pembantu makmal untuk semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) termasuklah JPN Kedah. Sehingga kini permohonan KPM ini masih dalam pertimbangan JPA dan Perbendaharaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARI PAD A	Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
T ARIKH	10 NOVEMBER 2010
SOALA	Meminta MENTERI PELANCONGAN
N	menyatakan:

- a) Sejauh manakah program "Homestay" telah berjaya mencapai matlamat menggalakkan sektor pelancongan negara terutama kepada masyarakat luar bandar; dan
- (a) Berapakah jumlah "homestay" yang telah didaftarkan dan apakah mekanisme pemantauan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan kualiti "homestay" yang ada dapat menjamin imej negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Homestay Malaysia merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk menarik ramai pelancong ke Malaysia dengan menawarkan satu bentuk pengalaman yang unik dari segi kebudayaan dan gaya hidup masyarakat kampung. Program Homestay Malaysia juga bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar, di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program Homestay ini dilihat berjaya menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan melalui prestasi yang telah ditunjukkan. Sehingga 31 Ogos 2010, Kementerian Pelancongan telah mendaftarkan sebanyak **138 buah** homestay di seluruh Malaysia, dengan bilangan pengusaha homestay seramai **2,987 orang** dan menawarkan **4,042 buah bilik** kepada para pelancong.

Jumlah kedatangan pelancong ke homestay dari **Januari**

hingga Ogos 2010 telah **meningkat** sebanyak **7.1 peratus** iaitu seramai **114,894 orang** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009, iaitu seramai **107,308 orang**. Jumlah **pendapatan pengusaha** homestay dari Januari hingga Ogos 2010 juga turut **meningkat** sebanyak **0.3 peratus** kepada **RM6.84 juta** berbanding **RM6.82 juta** bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Sementara itu, **purata occupancy rate**, dengan izin, bagi homestay juga telah menunjukkan peningkatan dari **20.6 peratus** bagi Januari hingga Ogos 2009 kepada **22.5 peratus** dalam tempoh yang sama pada tahun **2010**.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan homestay yang didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan berkualiti dan berpotensi, maka setiap pengusaha homestay perlu memenuhi garis panduan pendaftaran yang telah ditetapkan seperti:

- (i) harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap homestay;
- (ii) mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan atau *accessibility*, dengan izin;
- (iii) mempunyai sikap *act and think tourism*, dengan izin;

- (iv) menjamin tahap kebersihan dan keselamatan yang optimum;
- (v) melibatkan aktiviti-aktiviti masyarakat desa seperti menoreh getah, sawah padi, memancing serta memetik koko dan kelapa; dan
- (vi) mempamerkan permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempong dan tarian rakyat.

Selain itu, mekanisme pemantauan efektif turut dilaksanakan terhadap kemajuan dan prestasi Program Homestay ini dengan:

- i. Merekod dan menganalisis laporan prestasi homestay di setiap negeri pada setiap bulan bagi menilai prestasi yang ditunjukkan oleh setiap homestay untuk mengenalpasti homestay yang memberikan perkhidmatan yang terbaik, sederhana dan perkhidmatan homestay yang perlu diperbaiki lagi;

Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Homestay Peringkat Kebangsaan dengan agensi-agensi berkaitan bagi memantau perkembangan semasa dan isu-isu berbangkit di homestay bagi

setiap negeri;

Melaksanakan pemeriksaan semula semua rumah homestay setiap tiga tahun sekali, bermula tahun ini, bagi memastikan keadaan fizikal rumah sentiasa memenuhi keselesaan para pelancong;

Menyediakan borang kepuasan pelanggan untuk para pelancong yang telah menginap di Homestay. Ini bagi mendapatkan maklumbalas dari para pelancong mengenai perkhidmatan homestay yang ditawarkan supaya penambahbaikan boleh dilakukan dengan cepat dan berkesan; dan

Membuat pengauditan terhadap Program Homestay supaya dapat mengenai pasti segala kekurangan dan kelemahan untuk diperbaiki dan dipertingkatkan; terutama dari segi kebersihan rumah dan kampung, aktiviti yang dicadangkan dan pengendalian pelancong

yang menginap di perkampungan homestay serta penyimpanan rekod.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS (TELOK KEMANG)

TARIKH : 10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)

minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) alasan perancangan projek lebuh raya *Central Spine Expressway* dari Seremban-Karak-Gua Musang-Kota Bharu dibatalkan pembinaannya; dan
- (b) apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf laluan yang sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan tidak pernah berhasrat membatalkan pelaksanaan Projek Pelebaran Jalan Persekutuan *Central Spine*, sebaliknya projek berprofil tinggi ini sedang dibina secara berperingkat-peringkat oleh Kerajaan bagi tujuan

merencanakan pembangunan infrastruktur di Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECER).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop Projek Pelebaran Jalan Persekutuan *Central Spine* ini ialah menaik taraf Jalan Persekutuan 8 (FT08) dan sebahagian Jalan Persekutuan 9 (FT09) sepanjang 390 kilometer bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 390 kilometer kepada 2 lorong 2 hala berdasarkan piawaian JKR R5. Skop projek ini turut melibatkan pembinaan jalan pintas di bandar-bandar tertentu dan pembinaan lorong khas memotong di setiap 5 kilometer laluan. Pembinaan projek ini telah dibahagikan kepada 6 pakej, iaitu seperti berikut:

- (1) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan;
- (2) Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan;
- (3) Pakej 3: Gua Musang, Kelantan ke Kg. Relong, Pahang;
- (4) Pakej 4: Kg. Relong ke Raub, Pahang;
- (5) Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang; dan
- (6) Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Pakej 3, iaitu dari Gua Musang, Kelantan ke Kg. Relong, Pahang sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2012 manakala pakej - pakej lain sedang dalam peringkat reka bentuk dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

/2>
SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A YB DATUK MD. SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL]

TARIKH 10 NOVEMBER 2010

SOALAN:

YB Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratuskah golongan Bumiputera yang terbabit secara langsung dalam sektor korporat. Sejauh manakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan pencapaian Bumiputera dalam menambah ekuiti pemilikan dalam semua sektor ekonomi telah berjaya.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa komited meneruskan usaha mempertingkatkan dan memperkukuh pencapaian Bumiputera dalam bidang ekonomi. Pelaksanaan dasar-dasar pembangunan berasaskan prinsip 'pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama' telah berjaya membantu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menggunakan data pemilikan ekuiti sektor korporat sebagai petunjuk penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat. Data pemilikan ekuiti Bumiputera menunjukkan terdapat peningkatan yang berterusan. Peratusan ekuiti

Bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat daripada 19.4 peratus pada tahun 2006 kepada 21.9 peratus pada tahun 2008.

Selain itu, pemilikan premis komersial oleh Bumiputera turut meningkat daripada 11.7 peratus pada tahun 2005 kepada 15.0 peratus pada tahun 2007. Penyertaan guna tenaga Bumiputera juga telah mencatatkan peningkatan dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional. Bilangan profesional Bumiputera, khususnya dalam 8 bidang profesion utama telah meningkat dengan ketara. Bilangan arkitek Bumiputera telah meningkat daripada 45.3 peratus pada tahun 2005 kepada 60.0 peratus pada tahun 2008, juruukur daripada 48.2 peratus kepada 55.1 peratus dan doktor daripada 38.1 peratus kepada 53.0 peratus dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa sasaran pencapaian Bumiputera seperti ditetapkan masih belum dicapai, terutamanya dari segi pemilikan ekuiti korporat. Bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera dalam ekonomi di peringkat makro tercapai, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha untuk menggalakkan penyertaan dalam ekonomi secara lebih menyeluruh serta meningkatkan ekuiti sektor korporat untuk meliputi kategori kekayaan lain seperti hartanah. Ini adalah selaras dengan objektif Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi supaya pembangunan ekonomi akan terus mampan dalam jangka panjang dan dinikmati oleh setiap rakyat serta membolehkan Malaysia meraih status negara berpendapatan tinggi.

Instrumen berasaskan prinsip penggembleran dana dan pemilikan aset melalui institusi terbukti mengurangkan halangan untuk

Bumiputera menyertai dan membolehkan pemilikan aset secara kekal dan berterusan. Sebagai langkah untuk memastikan pegangan ekuiti Bumiputera terus meningkat, Kerajaan telah memperkenalkan satu instrumen baru, iaitu Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) yang ditubuhkan untuk memastikan penyertaan berkesan Bumiputera dalam ekonomi serta mencapai sasaran pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, pendekatan pelaburan melalui institusi akan terus diperluas. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah atau *Real Estate Investment Trusts* (REIT) untuk mengurangkan halangan kepada Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri serta mendapat faedah daripada peningkatan nilai hartanah tersebut.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA :

: LISAN

TARIKH

DR. HIEW KING CHEW [KOTA KINABALU] :10
NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

: Dr. Hiew King Chew [Kota Kinabalu] minta

MENTERIPERTANIAN DAN INDUSTRIASAS TANI menyatakan: sama ada Kerajaan mempunyai rancangan membina empangan (*water dam*) untuk pengairan (*irrigation*) bagi keperluan projek jelapang padi di Kg. Tambatuan, Kota Belud, Sabah. Berapakah kos projek tersebut dan mengapa bantahan orang ramai tidak diambilkira.

JAWAPAN :

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan matlamat Dasar Jaminan Bekalan Makanan tercapai, tiga fokus utama iaitu sektor tanaman padi, sektor akuakultur dan sektor temakan menjadi tumpuan. Bagi sektor tanaman padi ialah melalui menambah pengeluaran padi. Ketidakseimbangan pengeluaran padi di Sabah (4%) dan Sarawak (9%) berbanding Semenanjung Malaysia (87%) menjadikan kawasan-kawasan baru untuk tanaman padi serta pembangunan sumber air baru perlu diberikan tumpuan di kedua-dua negeri untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Kerajaan Malaysia melalui Agricultural Development Master Plan Study telah mengenal pasti kawasan seluas 8,000 hektar di daerah Kota Belud, Sabah berpotensi untuk dibangunkan sebagai satu lagi kawasan tanaman padi Negara

SOALAN NO: 14

yang boleh ditingkatkan ke 10,000 hektar dengan tanaman padi dua kali setahun jika keperluan sumber air baru dapat dibangunkan.

Sehubungan ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telah menjalankan kajian kemungkinan dan kajian awal EIA Empangan Sg. Kedamaian untuk menilai potensi pembangunan empangan ini dapat memenuhi keperluan sumber air untuk pengairan, domestik dan industri, mengurangkan risiko banjir dan penjanaan tenaga elektrik untuk daerah Kota Belud.

Walau bagaimanapun projek ini masih di peringkat Kajian Kemungkinan dan Kajian Awal Penilaian Alam Sekitar yang meliputi Kajian Sosial Impak sedang dijalankan oleh konsultan yang dilantik. Projek ini hanya akan dilaksanakan sekiranya memenuhi keperluan sosial berdasarkan hasil kajian yang dijalankan. Anggaran kos pembinaan projek empangan ini adalah dianggarkan sebanyak RM 470 juta.

Soalan No: 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK TIONG THAI KING
	(LANANG)
TARIKH	10.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK TIONG THAI KING [LANANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) jumlah bantuan yang diberikan kepada sekolah bantuan Cina pada tahun 2009; dan
- (b) adakah Kementerian akan meneruskan bantuan menjelaskan bil elektrik

dan air untuk semua sekolah bantuan pada tahun 2011. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh, merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid, memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan, selain daripada dana sebanyak RM100 juta yang disediakan dalam RMKe-9, KPM juga menerima peruntukan dari pelbagai sumber untuk pembangunan sekolah- sekolah tersebut seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan khas pilihanraya dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awal tahun 2009 ini, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada semua kategori Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan *Mission School* di mana setiap kategori sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM50 juta. Bantuan kewangan tersebut adalah di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 di mana peruntukan tersebut digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah).

- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) kepada Sekolah Bantuan Kerajaan dan peruntukan ini boleh digunakan untuk pembayaran utiliti.

Sehubungan itu, pembiayaan Kerajaan bagi utiliti (air dan elektrik) pada tahun 2011 akan berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000. Peruntukan ini adalah merupakan tambahan kepada peruntukan LPBT tersebut.

Rjm 67

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DE WAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HAJI
HUSAIN (PASIR PUTEH)

TARIKH : 10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HAJI HUSAIN (PASIR PUTEH) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai mekanisme untuk mengukur jumlah kenderaan yang seharusnya berada di atas jalan raya bagi mengelakkan kesesakan, kemalangan dan malapetaka lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sedar dan sentiasa mengambil usaha dan langkah-langkah berterusan untuk mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan jalan dan lebuhraya di negara ini. Ini bagi memastikan struktur dan keadaan jalan di negara kita sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat kepada para pengguna jalan raya, termasuk mengurangkan masalah kesesakan di jalan-jalan yang telah dikenal pasti mencapai

tahap kapasiti trafik maksimum.

Sehubungan itu, antara kaedah yang digunakan oleh kementerian ini bagi mengukur tahap isi padu aliran trafik di jalan raya ialah menerusi kaedah *Level of Service* (LOS) di mana jumlah aliran trafik diukur berdasarkan sistem rating, iaitu LOS 'A' untuk jalan yang selesa hingga LOS 'F' (paling sesak). Berdasarkan penetapan mekanisme ini, kapasiti ideal bagi jalan 2 lorong sehalu ialah 23,800 kenderaan maksimum sehari manakala bagi jalan 2 lorong 2 hala pula ialah sebanyak 68,000 kenderaan sehari. Walau bagaimanapun, LOS ini tertakluk kepada piawaian reka bentuk, kelebaran jalan, keadaan kecerunan jalan (berbukit atau rata) dan faktor komposisi kenderaan berat.

Di samping itu, kementerian ini juga melaksanakan Bancian Lalu Lintas Kebangsaan yang diadakan setiap 2 tahun bagi mengenal pasti jumlah aliran trafik di Jalan-Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Maklumat bancian lalu lintas dari lebih 550 stesen band ini akan digunakan sebagai angkubah (*variables*) bagi tujuan menaik taraf atau membina jalan-jalan baru pada masa hadapan. Pada masa yang sama juga kementerian ini telah membangunkan sistem *Road Traffic Volume Management* sebagai pangkalan data bagi mengukur komposisi kenderaan mengikut kelas, kadar pertumbuhan trafik dan kapasiti jalan raya secara *online*. Aplikasi berasaskan web ini akan membolehkan data- data trafik dimuat turun oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, termasuk institusi pendidikan dan pihak swasta yang berminat dalam mengkaji ciri-ciri pertumbuhan trafik di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA JAWAB
LISAN**

YB DATUK RAIME BIN UNGGI (Tenom)

PERTANYAAN

10 NOVEMBER 2010

DARI PADA

17

**TARIKH
SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan setakat tahun 2010 berapakah jumlah kawasan luar Bandar di seluruh negara yang dibekalkan dengan Bekalan Elektrik Luar Bandar terutama di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2009, liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar seluruh Negara masing-masing telah mencapai 99.5% di Semenanjung Malaysia, 66.4% di negeri Sarawak dan 76.5% di negeri Sabah. Kementerian mengunjurkan bahawa pada akhir tahun 2010, sejumlah 13,104 buah rumah tambahan akan dapat disambung dengan bekalan elektrik di negeri Sabah dan akan meningkatkan liputan bekalan elektrik negeri Sabah kepada 80.6%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN NO. AUM: 20
DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH NO. AUP: I*
[SUBANG]
TARIKH 10 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3077

SOALAN

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah orang yang kini berada di dalam negara yang tidak mempunyai kewarganegaraan "nationality" dan/ atau adalah "stateless" dan pecahannya mengikut golongan etnik mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pemegang MyPR (yang dahulunya dikenali sebagai Kad Pengenalan Merah) yang tiada maklumat negara asal ialah seramai 52,397 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Ingin saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan rekod mengenai '*stateless*' kerana ia tidak tersenarai di bawah tanggungjawab Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78]. Definisi '*stateless Malaysians*' tidak wujud sama sekali. Istilah tersebut agak mengelirukan kerana taraf kewarganegaraan yang sedia ada menakrifkan seseorang individu itu sebagai 'Malaysians - iaitu warganegara Malaysia', bukan warganegara Malaysia atau '*stateless* - tidak menjadi warganegara mana-mana negara'. Oleh yang demikian, Kementerian ini tidak mempunyai sebarang dasar terhadap mereka yang ditakrifkan sebagai '*stateless Malaysians*'.

Untuk Dewan yang mulia ini, JPN tidak mendaftar MyPR mengikut kaum tetapi mengikut negara asal (*nationality*). Sekiranya pemegang MyPR tiada

negara asal, rekod akan dicatatkan sebagai “Tiada Warganegara” dengan kod “ZZA”.

Tuan Yang DiPertua,

Tempoh minimum seorang Pemegang MyPR untuk layak memohon MyKAD adalah sekurang-kurangnya 12 tahun daripada tempoh ianya memegang taraf Pemastautin Tetap di bawah Perkara 19(1) dan sekurang-kurangnya dua tahun memegang taraf Pemastautin Tetap bagi Perkara 15(1), Perlembagaan Pesekutuan. Dalam hal ini, bukanlah pemprosesan permohonan itu yang mengambil masa yang lama sebaliknya tempoh yang diperlukan untuk membolehkan pemohon itu memenuhi syarat kelayakan permohonan. Setelah layak memohon taraf kewarganegaraan Malaysia, pemohon akan melalui beberapa peringkat proses yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan seperti Ujian Bahasa.

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan tempoh kelayakan dan proses-proses yang perlu dilalui ini, tiada kes yang boleh diproses dalam tempoh yang singkat. Walau bagaimanapun Kementerian telah berusaha untuk memproses sesuatu permohonan taraf kewarganegaraan dalam tempoh yang lebih singkat iaitu dua tahun dari tarikh permohonan lengkap diterima.

NO. AUM : 13

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARI PADA **DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
TARIKH **10 NOVEMBER 2010**
RUJUKAN **3075**

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan keperluan visa untuk rakyat dan terutamanya ahli perniagaan Taiwan untuk masuk ke dalam negara memandangkan jumlah pelaburan Taiwan yang besardi dalam ekonomi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Pulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan keperluan visa untuk rakyat Taiwan masuk ke dalam negara, Malaysia berpegang kepada dasar 'Satu Negara China', dengan

izin, '*One China Policy*'. Memandangkan Malaysia mengenakan visa terhadap pelawat dari Republik Rakyat China (RRC) bagi memasuki Malaysia, maka pelawat-pelawat dari Taiwan juga dikenakan polisi visa yang sama.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ucapan penggulungan pembentangan RMKe-10 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 telah menyatakan bahawa bagi memenuhi keperluan guru Bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan, lulusan UEC yang telah memiliki Sijil SPM sebelumnya akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru bagi program Bahasa Cina.

Rjm 69

NO. AUM : 15

NO. AUP : W

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH 10 NOVEMBER 2010

RUJUKAN 3076

SOALAN:

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Balai Polis di Pekan Lachau dan juga di Batu Lintang, Sri Aman akan dinaik taraf dalam RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Aman kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Balai Polis Lachau telah dibina pada tahun 1986 dan Balai Polis Batu Lintang pula telah dibina pada tahun 1960. Di bawah RMK-10 kedua-dua balai polis ini tidak dipohon bagi dinaik taraf kerana terdapat projek-projek lain yang lebih mendesak. Di samping itu, tumpuan Kementerian pada ketika ini adalah untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu untuk mengurangkan jenayah jalanan terutama di kawasan-kawasan 'hot spot'. Walaubagaimana pun, dari masa ke semasa peruntukan untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan akan disalurkan kepada kedua-dua balai polis ini mengikut keperluan semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISA
N

DARI PADA

DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI OTHMAN

TARIKH

10 NOVEMBER 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pelaburan FELDA di luar negara kini, di negara mana dan jumlah pelaburan serta kadar dan nilai keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan pelaburan FELDA di luar negara sehingga Ogos 2010 berjumlah lebih kurang **RM 1.2 billion** melalui anak syarikat milik penuh FELDA iaitu FELDA Global Venture Holdings Sdn Bhd (FELDA Global). Pelaburan ini meliputi beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Arab Saudi, China, Australia, Afrika Selatan, Indonesia, Perancis, Thailand, Pakistan, India dan Turki.

Pelaburan luar negara yang dibuat oleh FELDA ini merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada pendapatan dari penjualan minyak sawit sahaja. Rasional disebalik pelaburan yang dilakukan oleh FELDA adalah untuk mencapai matlamat, **pertama** mewujudkan *integrated value-chain* dalam Kumpulan FELDA yang mana ianya telah

dikembangkan kepada industri oleochemical yang akhirnya akan membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri dalam industri pengeluaran barangan pengguna. **Kedua.** mengenalpasti dan mewujudkan kelebihan sinergi diantara aktiviti *upstream* (perladangan), *midstream* dan *downstream* di dalam Kumpulan FELDA. **Ketiga.** memperkenalkan dan memperkukuhkan pasaran minyak kelapa sawit ke negara luar melalui anak syarikat serta syarikat usahasama di luar negara dan **keempat** mewujudkan peluang pendedahan kepada persekitaran perniagaan global melalui peluang bekerja di negara luar kepada tenaga kerja FELDA serta turut dapat mengukuhkan proses *succession planning* di dalam Kumpulan FELDA. Sehingga kini, FELDA telah menghantar petugas ke Amerika Syarikat, Kanada, China, Pakistan, Thailand, Arab Saudi, Indonesia dan Perancis.

Pelaburan luar negara yang dilaksanakan oleh FELDA masih belum menghasilkan pulangan memandangkan kebanyakan pelaburan adalah pelaburan jangka panjang dan masih di peringkat awal operasi.

0000000000000000

NO. SOALANj^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARI PADA : Y.B. PUAN TAN AH HENG [GELANG PATAH]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SO ALAN:

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan asing yang telah melabur di Iskandar Malaysia pada tahun 2009 dan tahun 2010; dan
- (b) rancangan atau pembangunan yang lebih teratur untuk menstabilkan pembangunan di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan komited keseluruhan berjumlah **RM64.38 bilion** sehingga 30 September 2010. Bagi dua tahun terkini pula, jumlahnya adalah sebanyak **RM13.84 bilion** pada tahun 2009 dan **RM8.82 bilion** sehingga September 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Gelang Patah juga, pembangunan Iskandar Malaysia dirancang secara terperinci menerusi Rancangan Pembangunan Komprehensif yang disiapkan pada tahun 2006 bagi pembangunan secara bersepadu, meliputi tempoh jangka panjang 2006-2025. Untuk memastikan pembangunan yang lebih teratur bagi menstabilkan kawasan luar bandar, beberapa kajian termasuk **Rangka Tindakan Penggunaan Tanah Bersepadu** telah dilaksanakan. Pelan ini menyediakan rangka kerja pelaksanaan strategi ekonomi wilayah dengan menyelaraskan penggunaan tanah dengan perancangan infrastruktur kemudahan awam. Di antara strategi pembangunan termasuk menggalakkan pembangunan di kesemua zon

pembangunan pemangkin bagi mengurus pertumbuhan berdasarkan sumber ekonomi dan geografi.

Pelaksanaan pelan tindakan ini juga mengambil kira limpahan dari aktiviti-aktiviti kluster ekonomi yang dipromosikan di Iskandar Malaysia serta jaringan kemudahan infrastruktur bandar dengan luar bandar. Di samping itu, beberapa projek dan program telah diadakan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di kalangan penduduk serta manfaat sosio-ekonomi di luar bandar. Ini termasuklah latihan berkaitan pelancongan di sekitar kawasan Tanjung Piai, Pontian, latihan keusahawanan dan praktikal pembinaan di beberapa kawasan luar bandar serta kampung Orang Asli, kerja-kerja naik taraf jalan dan peningkatan sistem pengangkutan awam khususnya untuk menghubungkan kawasan luar bandar dengan pusat bandar utama.

Dengan ini akan wujud hubung kait dan pembangunan bersepadu dan lestari di antara bandar dan luar bandar di Iskandar Malaysia.

NO. AUM: 25

NO. AUP: I*f

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH 10 NOVEMBER 2010

RUJUKAN 3079

PERTANYAAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga bulan Jun tahun 2010;

- (a) jumlah pemastautin tetap mengikut negeri; dan
- (b) diantara mereka berapa orang telah memohon menjadi warganegara Malaysia dan sila berikan kedudukan permohonan Encik Kng Kian Chiew, Kad Pengenalan Merah No. 811007-04-5615 dan apakah sebab kelewatan permohonan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemastautin tetap mengikut setiap negeri adalah seperti berikut:-

SELANGOR	87,743
WP. K.LUMPUR	53,209
JOHOR	43,836
SABAH	30,509
PERAK	14,956
P. PINANG	12,557
PAHANG	11,953
N. SEMBILAN	9,267
KEDAH	7,142

MELAKA	6,980
KELANTAN	5,285
SARAWAK	2,811
TERENGGANU	2,616
WP. LABUAN	2,324
PERLIS	1,480
WP. PUTRAJAYA	64
MAKLUMAT TIADA	515
JUMLAH BESAR	293, 247

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah pemegang kad pengenalan merah yang telah memohon menjadi warganegara Malaysia di bawah Perkara 15(1), 16 dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan dari tahun 2007 sehingga September 2010 seramai 21,937 orang.

Tuan Yang DiPertua,

Berkenaan dengan pertanyaan status kedudukan permohonan Encik Kng Kian Chiew, Kad Pengenalan Merah No. 811007-04-5615, adalah dimaklumkan bahawa permohonan dikemukakan pada 16 April 2010 dan masih di peringkat pertimbangan.

Seterusnya ingin saya jelaskan bahawa, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia kepada orang asing adalah merupakan suatu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Dalam hal ini, Kementerian telah menetapkan sasaran untuk memberi keputusan permohonan dalam tempoh dua tahun dari tarikh permohonan diterima. Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa permohonan-permohonan itu akan diluluskan. Kementerian hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **10.11.2010**

Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status perundingan di antara Kerajaan Pusat dan Negeri Sarawak terhadap pemilikan dan penyaluran tenaga elektrik Hidro Bakun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, rundingan proses pengambilalihan Projek Hidroelektrik Bakun di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak masih di peringkat awal. Pada masa ini proses *due diligence* sedang dilaksanakan dan rundingan seterusnya akan dijalankan bagi memuktamadkan pengambilalihan tersebut yang dijangka pada suku pertama tahun 2011.

2. Penyaluran sumber tenaga elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah bagi kegunaan Negeri Sarawak terutamanya dalam pembangunan industri *Sarawak Corridor Renewable Energy* (SCORE) yang memerlukan 3.800MW hingga 4,000MW tenaga elektrik yang mana 1.700MW daripadanya adalah sumber Projek Hidroelektrik Bakun. Ini juga adalah selaras dengan keputusan Kerajaan supaya sumber tenaga elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah bagi kegunaan industri Negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT **SOALAN NO: 26**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 10 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Menteri bersetuju dengan arahan PERKESO kepada Pn. Asukumari a/p Darmalingam KP 560130-08-5432 untuk menjalani pembedahan membetulkan “spondylolysis L4 on L5” sebelum permohonan beliau untuk pencen ilat dapat dipertimbangkan. Adakah percanggahan antara paksaan seperti ini dengan etika perubatan.

PR-1233-L39243

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Keilatan adalah suatu keuzuran yang serius, kekal atau tidak boleh atau tidak mungkin akan sembuh yang mana mengakibatkan seseorang pekerja itu tidak mampu mencari nafkah sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan seseorang pekerja yang normal. Bagi melayakkan Orang Berinsurans (OB) menerima pencen ilat, ianya hendaklah disahkan ilat oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Orang Berinsurans (OB) yang uzur hendaklah mendapat rawatan secara optimum dan mencapai *Maximum Medical Improvement* (MMI). Selepas mendapat rawatan maksimum, Jemaah Doktor atau Jemaah

Doktor Rayuan akan membuat keputusan sama ada seseorang OB itu layak mendapat pencen ilat atau tidak.

Tuan Yang Di Pertua

2. Bagi kes Pn. Asukumari a/p Darmalingam, Jemaah Doktor mendapati beliau tidak menghidap keilatan kerana "*mildspondylolisthesis*" grade 1 L4/L5. Beliau telah merayu kepada Jemaah Doktor Rayuan yang bersidang dan JDR telah menangguh keputusan dan menasihati beliau supaya menjalani pembedahan "*spondylolisthesis* grade 1 L4 on L5" terlebih dahulu dan kes akan dirujuk semula ke JDR selepas beliau menjalani pembedahan. PERKESO akan menanggung kos *Implant* berkenaan sebagai kemudahan pemulihan, jika diperlukan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Dalam kes ini, tidak ada paksaan dibuat ke atas Orang berinsurans untuk menjalani pembedahan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

DARI PADA PE
RT
AN
YA
AN

LISA
N

TARIKH DATO' SERI TIONG KING
SING [BINTULU - BN]

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN NO. 27

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN**

menyatakan

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peruntukan berupa Geran Tahunan kepada Persatuan Sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan serta Jabatan Belia dan Sukan Daerah/Bahagian; dan
- (b) berapakah jumlah persatuan sukan ini yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan dan juga dengan Jabatan Belia dan Sukan di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana persatuan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan, mereka layak memohon bantuan untuk melaksanakan sesuatu program/aktiviti dan bergantung juga kepada kedudukan kewangan semasa Kementerian. Pada tahun 2009, sebanyak 355 permohonan daripada persatuan-persatuan sukan telah diluluskan dengan dana sebanyak RM5.4 juta. Manakala sebanyak RM53.2 juta telah diperuntukkan kepada 44 buah Persatuan Sukan Kebangsaan yang melibatkan sukan prestasi tinggi.
- b) Manakala sehingga 1 Oktober 2010, sebanyak 3,714 badan sukan di seluruh

SULIT

NO:28

negara telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan.

SULIT 1

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA : LISAN
PERTANYAAN DARI PADA . Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
KAWASAN T : BANDAR TUN RAZAK : 10.11.2010
TARIKH NO. (Rabu)
SOALAN

Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk disalurkan pada pihak berkuasa tempatan bagi membaiki jalan di kawasan industri. Bagaimanakah peruntukan ini disalurkan dan mengapakah sehingga kini PBT di Selangor masih belum menerima peruntukan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada merupakan satu projek 'one off' di bawah Rancangan Malaysia keSembilan (RMK-9) yang

ditadbir urus oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan diambil alih oleh M1DA berkuatkuasa pada 1 Januari 2008 dengan peruntukan sebanyak RM 315.2 juta dan pelaksanaan program ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia keSepuluh (RMK-10).

Objektif utama program ini adalah bagi memastikan kemudahan di kawasan perindustrian yang wujud di Malaysia adalah kondusif dalam membantu peiabur menialankan dan mengembangkan aktiviti-aktiviti mereka serta menarik kemasukan peiaburan baru ke Malaysia.

Peruntukan yang diluluskan bagi kerja-kerja menambahbaik infrastruktur seperti berikut:-

- i) Menambahbaik jalan, iambatan, tempat letak kenderaan berpusat, dan saluran perparitan;
- ii) Menaik taraf kemudahan gunasama seperti premis perniagaan dan medan selera yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- iii) Memperbaiki kemudahan asas antaranya seperti iampu ialan dan papan tanda asas.

Tuan Yang Dipertua,

Pengagihan peruntukan di bawah RMK-1Q belum laqi dibuat dan akan dilaksanakan mulai tahun 2011 memandangkan tempoh RMK-1Q ialah dari tahun 2011-2015

Pengagihan peruntukan di bawah RMK-10 kepada negeri- negeri atau kawasan-kawasan perindustrian yang wujud di Malaysia akan berdasarkan pada kriteria-kriteria tertentu antaranya seperti

- i) Bilangan proiek perkilangan yang beroperasi mengikut negeri atau kawasan perindustrian yang berkenaan;
- ii) Bilangan kawasan industri di setiap negeri; dan
- iii) Bilangan peratusan perbelanjaan bagi peruntukan di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada di bawah RMK-9.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK BUNG MOKTAR RADIN

[KINABATANGAN]

TARIKH

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN:

SOALAN NO: 29

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :

- (a) Pelaksanaan komputer 1 Malaysia di seluruh negara terutama Kinabatangan; dan
- (b) Langkah-langkah pengawasan agar ianya tidak disalah guna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengagihan Komputer 1 Malaysia di bawah fasa 1 telah bermula pada pertengahan bulan Julai sehingga penghujung Oktober 2010 melibatkan 123,000 unit komputer di 246 lokasi terpilih di seluruh negara. Sebanyak 2,000 unit komputer telah diagihkan di sekitar kawasan parlimen Kinabatangan.

Langkah-langkah pengawasan yang diambil termasuklah latihan dan bimbingan ICT dan juga etika pengguna Internet bijak yang disediakan khas untuk penerima Komputer 1 Malaysia. Latihan ini diadakan di setiap Pusat JaJur Lebar Komuniti (PJK) yang berhampiran. Setiap penerima juga turut menerima pengenalan diri (user ID- @komputer 1 Malaysia) untuk memantau penggunaan Internet bagi setiap unit komputer.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA**

**LISA
N Dr. CHE ROSLI
BIN CHE MAT [HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN
RAKYAT**

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

NO. 30

SOALAN

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah yang diambil bagi menangkis dakwaan bahawa air mentah yang dialir dari Sungai Klau, Pahang ke Selangor tercemar dengan Sianida hasil proses ekstraksi emas di Lombong Emas, Raub.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan air terawat yang selamat, bersih dan berkualiti dibekalkan kepada rakyat di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa dakwaan air mentah yang dialirkan dari Sungai Klau, Pahang ke Selangor tercemar dengan Sianida hasil daripada kegiatan perlombongan emas di Raub, Pahang adalah tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana lombong emas yang dikaitkan dalam dakwaan tersebut terletak di Bukit Koman, Raub dan berada di luar kawasan tadahan air

Empangan Klau. Air dari kawasan Bukit Koman mengalir terus ke Sungai Gali dan tidak melalui kawasan tadahan khususnya kawasan takungan air Empangan Klau. Malah, hasil kajian Jabatan Kimia terhadap sampel air Sungai Koman serta air bawah tanah di Bukit Koman, Raub, Pahang mendapati tiada unsur Sianida dikesan di kawasan itu seperti yang dilaporkan di dalam akhbar Utusan Malaysia pada 23 April 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan sumber air terpelihara serta bekalan air yang berterusan dan mapan dapat disediakan kepada rakyat, Kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri yang terlibat dengan pengurusan sumber air.

Justeru, saya memohon kerjasama semua pihak termasuk ahli-ahli Yang Berhormat untuk memelihara sumber dan kawasan tadahan air. Sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam kawasan tersebut, segeralah melaporkan terus kepada pihak berkuasa negeri di kawasan masing-masing.

NO. AUM : 37

PERTANYAAN

NO. AUP :

DARIPADA

TARIKHPEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN

LISAN


DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

10 NOVEMBER 2010

3081

SOALAN:

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempertimbangkan untuk membenarkan golongan rakyat awam yang bertanggungjawab untuk memiliki senjata api untuk mempertahankan diri dan keluarga mereka terutamanya berdasarkan kegiatan jenayah ganas yang kian meningkat ini.



JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Semua warganegara Malaysia yang berkelayakan di bawah Akta Senjata 1960 boleh mengemukakan permohonan untuk memiliki senjata api kepada pihak Polis Diraja Malaysia. Namun begitu, pertimbangan untuk kelulusan atau penolakan untuk setiap permohonan akan diberikan oleh Ketua Polis Negara berdasarkan alasan - alasan, kriteria - kriteria serta syarat - syarat yang telah diperuntukkan di dalam Akta berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kategori lesen-lesen senjata api yang dikeluarkan dan layak untuk dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada beberapa tujuan iaitu:

- a) **Menjaga keselamatan diri /keluarga/ hart a benda;**
- b) Mencegah musuh tanaman;
- c) Menjaga harta benda syarikat;
- d) Melakukan tugas-tugas rasmi Jabatan;dan

e) Aktiviti sukan.

Berdasarkan kepada tujuan - tujuan tersebut, asas pertimbangan kelulusan adalah tertakluk kepada;

- a) Wujudnya ancaman ke atas nyawa individu dan keluarga;
- b) Ancaman ke atas harta benda individu;
- c) Ancaman ke atas harta benda milik syarikat/pelanggan;
- d) Mengiringi orang - orang kenamaan dan individu penting negara serta melakukan tugas rasmi Kerajaan; dan
- e) Atlet yang berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, setiap permohonan, sama ada untuk membeli baru atau memindah milik senjata api, akan diberi pertimbangan berdasarkan keperluan, kebolehan, kemampuan dan keupayaan dari aspek fizikal, mental, kedudukan kewangan serta ekonomi individu yang memohon senjata api tersebut.

Pertimbangan tersebut juga dibuat berdasarkan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian bagi memastikan pemilik - pemilik senjata api merupakan individu yang layak dan tidak menyalahgunakan senjata api - senjata api yang telah dilesenkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hubungan ini, pemberian lesen memiliki senjata api adalah perlu dikawal dan tidak boleh diluluskan sewenang - wengangnya bagi mengelakkan penyalahgunaan senjata api yang mampu menggugat keselamatan dan ketenteraman awam di negara Malaysia.

Dengan demikian, Kementerian akan sentiasa meletakkan faktor keselamatan dan ketenteraman awam sebagai keutamaan semasa mempertimbangkan sebarang permohonan atau rayuan untuk memiliki senjata api bagi memastikan keselamatan negara akan sentiasa terpelihara.

NO. AUM : 42

NO. AUP : yv

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

TARIKH 10 NOVEMBER 2010

RUJUKAN

3083

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) sejauh mana dan apakah bentuk kerjasama pihak Polis Malaysia dengan agensi perisikan Amerika Syarikat khususnya FBI; dan

(b) apakah status pusat latihan memerangi pengganas di Malaysia dan berapakah peruntukan dan kakitangan dari Malaysia dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM mempunyai hubungan kerjasama yang erat dengan agensi- agensi penguatkuasa di seluruh dunia termasuk Biro Siasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI). Kerjasama diantara PDRM dan FBI bermula seawal tahun 1969 apabila sebilangan pegawai kanan PDRM menyertai kursus anjuran FBI National Academy (FBINA). Diantara bentuk kerjasama yang diadakan adalah pertukaran pegawai dan kepakaran, bina upaya (capacity building), perkongsian maklumat dan bantuan teknikal.

Tuan Yang Dipertua,

Seiring dengan kepelbagaian bentuk ancaman keselamatan dan modus operandi penjenayah, PDRM tidak mampu bertindak sendirian. Dalam hal ini kerjasama dengan pasukan polis dan agensi- agensi penguatkuasa antarabangsa adalah penting. Sehubungan itu PDRM dan FBI sedang dalam perancangan untuk mengadakan kerjasama melalui satu memorandum persefahaman (MoU). Dengan

adanya MoU ini, kerjasama yang sedia terjalin diantara kedua-dua pihak akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian masih dalam peringkat perbincangan berhubung penubuhan sebuah pusat latihan di Langkawi. Pusat latihan ini dicadangkan untuk memberikan fokus kepada enam elemen jenayah rentas sempadan yang merangkumi keganasan, pemerdagangan orang, penyeludupan dadah, jenayah siber, pengubahan wang haram dan pengurusan krisis. Akademi ini disasarkan menjadi sebuah pusat penyelidikan dan bina upaya serantau dan antarabangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akademi ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan tidak melibatkan apa-apa bantuan sama ada dari segi peruntukan dan kakitangan daripada pihak asing.

NO.AUM : 38

NO. AUP : &

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG
SADONG]

TARIKH 10 NOVEMBER 2010

RUJUKAN 3082

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan terbaru yang diambil
oleh pasukan keselamatan, khususnya pihak polis, untuk
mengurangkan kes-kes jenayah seperti ragut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pelbagai usaha dan program pencegahan jenayah telah dilaksanakan di peringkat nasional khususnya bagi memerangi jenayah ragut telah dilaksanakan oleh PDRM, antaranya seperti penugasan Sukarelawan Simpanan Polis untuk menjalankan tugas rondaan cegah jenayah di kawasan-kawasan 'hot spot'. Sehingga 20 September 2010, seramai 4,725 orang dari kalangan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dilantik khusus bagi menjalankan tanggung jawab tersebut.

Sebagai strategi jangka masa panjang, PDRM sedang membangunkan system *Central Intelligence Unit* (CIU) bagi meningkatkan kemampuan pihak polis dalam menyelesaikan kes-kes jenayah berpandukan maklumat risikan yang tepat. Selain itu, jumlah pegawai dan anggota polis khususnya yang menjalankan tugas sebagai pegawai penyiasat akan ditambah dari masa ke semasa.

Tahap keselamatan di kawasan-kawasan sempadan dan perbatasan Negara turut dipertingkatkan melalui operasi rondaan bersama di antara Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dari semasa ke semasa.

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH

1 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN KARPAL SINGH minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan setakat mana cadangan 1 Malaysia oleh YAB. Perdana Menteri telahpun menyatukan kaum-kaum di negara ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadang-kala membawa kepada perbezaan pandangan yang mencetuskan perselisihan dan sengketa, yang selanjutnya menjejaskan keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat. Beberapa kejadian pernah berlaku dalam sejarah negara kita sebelum dan selepas kemerdekaan yang mengakibatkan konflik atau rusuhan kaum pada tahun 40-an dan 60-an. Beberapa sengketa antara kaum di tempat tertentu yang membawa kepada maut atau cedera juga pernah berlaku misalnya di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1997 dan Kampung Medan, Selangor pada tahun 2001. Dengan tindakan tegas dari Kerajaan dan kerjasama rakyat, kejadian-kejadian ini dapat dikawal dan ketenteraman dipulih.

Sejak tahun 2006, beberapa insiden dan isu telah juga muncul yang menimbulkan kebimbangan, kerisauan dan rasa tidak senang hati di antara kaum, seperti tindakan merobohkan kuil-kuil, serta kenyataan dan tingkahlaku yang berbau perkauman dari anggota-anggota politik yang tertentu, yang telah mencetuskan pelbagai bentuk reaksi, demonstrasi, dan pergerakan seperti HINDRAF. Perbahasan mengenai isu-isu kaum dan agama terus berlangsung sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-12 pada Mac 2008. Tambahan pula, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan dan mengakibatkan berita dan cerita yang sensasi disebarluaskan secara meluas dan menimbulkan reaksi yang merebak.

Mengambil kira latarbelakang sejarah dan perkembangan kurang sihat sejak tahun 2006, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada bulan April 2009, telah dengan tegas, jelas dan giatnya memperkenalkan, melancarkan dan memacu Gagasan 1 Malaysia. Gagasan 1 Malaysia bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat, dengan sikap menerima dan menghormati kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini. Gagasan 1 Malaysia telah juga menetapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan untuk menyampaikan hasil yang positif dan konkrit kepada rakyat, melalui perkhidmatan awam yang lebih cekap dan cepat lagi. Dengan demikian, kekurangan pentadbiran seperti gejala rasuah dan kurang cekap serta masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti kemiskinan, jenayah, infrastruktur dan pendidikan dapat ditangani dan diatasi secara lebih berkesan dan cekap supaya

mengurangkan jurang perbezaan antara golongan etnik dan sosio-ekonomi, antara wilayah, serta antara bandar dan luar bandar.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa banyak isu dan cabaran yang timbul dahulu masih belum diselesaikan dengan sepenuhnya, tetapi seruan jujur dan usaha gigih YAB Dato' Sri telah mendapat sambutan rakyat yang kian meningkat dan memupuk satu suasana yang lebih positif berbanding dengan yang dahulu. Logo 1 Malaysia telah menjadi lambang perpaduan dan harapan rakyat untuk masa depan yang lebih maju, makmur aman dan damai. Keadaan harmoni yang kian pulih dapat dibuktikan melalui dua petunjuk. Yang pertama, indeks Ketegangan Masyarakat atau *Societal Stress Index* (SSI) yang dipantau oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang telah meningkat dari 17 kes setiap sejuta penduduk pada tahun 2006 ke 20 dan 28 bagi tahun 2007 dan 2008 telah menurun ke 22 bagi tahun 2009 dan sekarang mencatat 17 bagi tiga sukutahun yang pertama bagi tahun 2010. Yang kedua, kedudukan Malaysia mengikut *Global Peace Index* (GPI) yang dipantau oleh *Institute for Economics and Peace* di New Zealand setiap tahun telah meningkat dari tangga 37 pada tahun 2008 ke tangga 26 pada tahun 2009 dan seterusnya tangga 22 pada bulan Oktober 2010.

Usaha telah dan sedang berlangsung untuk menangani beberapa isu antara kaum atau golongan yang rumit dan kompleks, yang telah lama berbahang sebelum 2009. Penyelesaian isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan sikap positif, pendekatan yang membina dan sumbangan secara efektif dari semua pihak, termasuk pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ONG KA CHUAN

TARIKH

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

N0.35

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI**

PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilangan biasiswa Kerajaan yang telah diluluskan kepada pelajar-pelajar asing dan jumlah peruntukan yang terlibat sejak program ini diperkenalkan. Apakah manfaat yang bakal diperoleh oleh Kerajaan dengan memperkenalkan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan biasiswa kepada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Penajaan biasiswa ini adalah meliputi negara-negara ASEAN, negara-negara di Kepulauan Pasifik, Komanwel dan negara Islam OIC serta minoriti Islam di negara bukan Islam di mana penajaan bersama antara Kerajaan Malaysia dan pihak *Islamic Development Bank* (IDB) turut dijalinan.

Antara biasiswa antarabangsa yang ditawarkan oleh KPT adalah seperti berikut:

- i) *Malaysia International Scholarship (MIS)* untuk Ijazah Lanjutan.
- ii) *Malaysia International Scholarship (MIS)* untuk Ijazah Pertama.
- iii) *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*.
- iv) *Commonwealth Scholarship and Fellowship Plan (CSFP)*.
- v) *Biasiswa Islamic Development Bank (IDB)*.

Semenjak tahun 2006 sehingga Ogos 2010, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM18.094 juta untuk menaja seramai 409 orang pelajar antarabangsa.

Penganugerahan biasiswa ini adalah sebagai satu insentif dalam usaha-usaha promosi untuk menarik perhatian dan minat pelajar-pelajar cemerlang antarabangsa mengenai peluang dan kemudahan melanjutkan pengajian di Malaysia. Penajaan biasiswa antarabangsa ini juga merupakan satu strategi dan langkah proaktif Kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini.

Antara manfaat lain yang diperolehi daripada pelaksanaan program biasiswa antarabangsa KPT adalah untuk memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan dua hala di antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara luar.

Selain itu, sebahagian besar pelajar yang ditaja merupakan pegawai Kerajaan di negara asal masing-masing. Adalah diharapkan melalui penajaan biasiswa ini, *networking* antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara luar akan terjalin dan berterusan pada masa depan dan memastikan kerajaan Malaysia mendapat sokongan sepenuhnya

daripada negara-negara berkenaan dalam apa-apa kepentingan ekonomi, politik dan perkara dasar yang membawa faedah kepada kedua-dua negara.

Mereka juga secara tidak langsung merupakan 'duta kecil Malaysia' yang mana mereka akan mempromosikan dan memperkenalkan Malaysia apabila pulang ke negara asal setelah tamat pengajian.

NO. SOALAN:. 2>G

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN ; LISAN

DARIPADA : YB Dato' Haji Wan Afad Rahim bin Wan Abdullah
[Kota Bharu]

TARIKH ; 10 November 2010

SOALAN : YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah

[Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang memberi Gelaran Khas untuk para suami kepada penerima Anugerah Darjah Kebesaran Datuk seperti mana para isteri diberikan Gelaran Datin.

JAWAPAN: DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi Gelaran Khas kepada pasangan (suami) bagi seseorang wanjuta yang telah dikurniakan Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran "Tun", "Tan Sri" dan "Datuk".

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH 10 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan markah KPI yang dicapai oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang hanya mendaftarkan 279,490 orang pemilih baru pada tahun 2009 walaupun negara kita mempunyai lebih kurang 4.3 juta pemilih yang belum berdaftar lagi.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah bilangan pemilih berdaftar daripada kalangan warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan pemilih. Bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih, SPR menyediakan pelbagai saluran pendaftaran untuk memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, menyemak maklumat pendaftaran mereka dan memaklumkan SPR berhubung maklumat pembersihan daftar pemilih. Permohonan pendaftaran pemilih ini boleh dikemukakan melalui saluran-saluran seperti berikut:

- (1) Kaunter Statik Ibu Pejabat SPR di Putrajaya;
- (2) 14 Kaunter-Kaunter Statik iaitu di 14 buah Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara;
- (3) Kaunter-Kaunter Statik Pejabat Pos Berkomputer di seluruh negara;
(terdapat 699 buah pejabat pos di seluruh negara);
- (4) Kaunter-kaunter bergerak SPR melalui Program *Outreach* di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti berikut:

- (i) di pusat membeli-belah;
 - (ii) di kawasan-kawasan penempatan penduduk seperti di taman-taman perumahan dan kampung-kampung;
 - (iii) di pejabat-pejabat jabatan kerajaan;
 - (iv) di institut pengajian tinggi awam dan swasta; dan
 - (v) di pusat-pusat latihan di seluruh negara.
- (5) Pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) daripada kategori yang berikut:
- (i) PPP (Wakil Parti Politik) yang dilantik daripada kalangan ahli parti-parti politik yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia;
 - (ii) PPP (Wakil Jabatan Kerajaan) yang dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di agensi Kerajaan atau badan berkanun;
 - (iii) PPP (Pejabat Pos) yang dilantik daripada kalangan petugas-petugas kaunter di Pejabat Pos di seluruh Malaysia;

menyatakan bilakah Kerajaan bersedia mengimplimentasikan sistem percukaian Goods and Services Tax (GST). Sila nyatakan pelbagai kaedah dan aspek yang telah dibuat dan diambil kira bagi mendalami tahap kesediaan ekonomi Negara untuk mengguna pakai sistem ini dan anggaran kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan untuk lima tahun yang pertama dalam pelaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) termasuk kos pembangunan sistem, kos penyelenggaraan dan kos operasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada 13 Oktober yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan penangguhan pelaksanaan GST. Langkah yang diambil Kerajaan bertujuan untuk memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan GST dapat disiapkan dengan lengkap dan teratur.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengadakan rundingan yang lebih inklusif dengan rakyat supaya semua kepentingan dan kebajikan masyarakat diambil kira dalam melaksanakan GST. Kerajaan berharap dengan adanya proses rundingan ini, GST dapat diterima dengan baik oleh semua pihak.

SOALAN NO: 40

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :
DARI PADA

LISAN

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)

TARIKH
SOALAN

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

**DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

menyatakan:

Bilakah skim subsidi beras SUBUR akan dilaksanakan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) pada asalnya dipersetujui dilaksanakan bermula 1 Disember 2009 namun telah ditangguh bagi membolehkan senarai penerima bantuan tersebut dikemas kini. Melalui senarai e-Kasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) jumlah penerima program ini yang telah dikenal pasti sehingga 1 November 2010 adalah lebih kurang 210,000 ketua isi rumah manakala senarai pemohon yang telah diterima oleh Kementerian melalui 222 urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) adalah berjumlah 520,000 orang. Senarai penerima sedang dimuktamadkan oleh UPP, JPM. Usaha juga sedang dibuat untuk memperkemas mekanisme SUBUR dan apabila usaha ini selesai Kementerian akan memperakukan semula untuk persetujuan Kabinet.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DATUK MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

[KUALA NERUS]

TARIKH

10 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN:

Datuk Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh mana keupayaan atau kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam menangani isu-isu penyalahgunaan talian maya dan sejauh manakah tindakan yang dikenakan ke atas golongan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mempunyai keupayaan dan kuasa yang mencukupi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menangani isu-isu penyalahgunaan talian maya iaitu internet.

SOALAN NO: 40

Di bawah Seksyen 211 dan 233 AKM '98, mereka yang menyalahgunakan internet boleh didenda tidak melebihi RM50.000 dan hukuman penjara tidak melebihi satu (1) tahun. Sepanjang tahun 2005 hingga kini, sebanyak 15 kes telah didakwa di mahkamah dan tujuh (7) kes telah didenda di mana 11 kes adalah melibatkan penyalahgunaan internet manakala bakinya adalah kesalahan yang melibatkan kandungan sistem pesanan ringkas atau SMS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**BAGI JAWAB LISAN
DATO' SERI MOHD. RADZI BIN
SHEIKH AHMAD (KANGAR)**

TARIKH

10 NOVEMBER 2010

SOALAN

41

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar perkhidmatan penerbangan Firefly akan berpindah operasinya dari Subang ke KLIA apabila Firefly memperkenalkan pesawat BOEING 737 tidak berapa lama lagi. Jika benar, apakah destinasi penerbangan mereka.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa syarikat Firefly akan terus beroperasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang bagi penerbangan ke destinasi-destinasi domestik dan serantau dengan menggunakan pesawat jenis ATR 72-500.

Sebagai tambahan operasi sedia adanya dari Subang, pihak Firefly akan mula mengadakan laluan penerbangan dengan menggunakan pesawat B737-400 yang akan beroperasi dari KLIA, Sepang ke laluan-laluan domestik seperti berikut:

- (i) Kuala Lumpur - Kota Kinabalu v.v. (14 kali seminggu);
- (ii) Kuala Lumpur - Kota Baharu v.v. (7 kali seminggu);
- (iii) Kuala Lumpur - Kuching v.v. (14 kali seminggu);
- (iv) Kuala Lumpur-Langkawi v.v. (14 kali seminggu); dan
- (v) Kuala Lumpur - Penang v.v. (7 kali seminggu).

Penerbangan-penerbangan ini dijangka akan diadakan mulai tahun **2011**.

NO. AUP : 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU]
TARIKH **10 NOVEMBER 2010**
RUJUKAN **3078**

NO. AUM : 25

SOALAN:

Dato¹ Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenai kenyataan terbuka bekas Ketua Polis Negara kononnya wujud campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Arau yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tata tertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan

dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Tuan Yang Dipertua

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan profesional.

SOALAN NO. :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB**LISAN****DARIPADA YB TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(DAP) (TELOK INTAN)****TARIKH 10 NOVEMBER 2010 (RABU)****SOALAN****YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (DAP) (Telok Intan) mintaMENTERI**

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pada 11.9.2009 Menteri Hal Ehwal Wanita telah mengumumkan bahawa pekerja syarikat-syarikat terlibat dalam merogol gadis/perempuan Penan telah dikenalpasti. Apakah tindakan Kementerian selanjutnya untuk membawa pekerja/individu yang terlibat ke mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan Bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita Kaum Penan di Sarawak yang ditubuhkan pada 8 Oktober 2008 dan dipengerusikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertujuan untuk menyiasat dakwaan eksploitasi seks ke atas wanita dan pelajar perempuan kaum Penan di Sarawak oleh pekerja syarikat

pembalakan.

Hasil siasatan mendapati kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak perempuan dan wanita Penan oleh orang luar yang berurusan dengan kaum Penan termasuk pekerja syarikat pembalakan dan peniaga-peniaga memang berlaku. Sehubungan itu, pihak Jawatankuasa Bertindak telah mengenal pasti pekerja syarikat pembalakan yang terbabit dan Laporan Jawatankuasa Bertindak ini dikemukakan kepada Polis DiRaja Malaysia, selaku ahli jawatankuasa.

Ingin saya nyatakan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia memandang serius ke atas semua dakwaan kejadian jenayah terutama kes penderaan seksual yang melibatkan gadis dan wanita Penan. Penyiasatan telah dijalankan walaupun tiada pengaduan polis dibuat. Maklumat yang diterima disiasat bagi menentukan kewujudan kejadian jenayah seperti yang didakwa.

Dalam hal ini, satu pasukan penyiasat telah dihantar ke kawasan Baram untuk mengesan dan menemu bual mangsa dan saksi bagi memastikan dakwaan tersebut. Hasil siasatan mendapati dua kes tidak dapat diteruskan siasatan kerana mangsa tidak dapat mengenal pasti perogol, satu kes keterangan menunjukkan mangsa telah berkahwin dengan suspek menurut adat Penan manakala siasatan bagi lima kes lagi saksi menyatakan tidak wujud kejadian seperti yang didakwa.

